

09/07/1997

Pilecon perluas projek ke luar negara

Azizi Othman

PILECON Engineering Bhd (Pilecon), kontraktor sistem cerucuk terkemuka, menjangka tahun kewangan semasanya penuh dengan pelbagai kejayaan menyiapkan projek pembangunan sedia ada serta pemerolehan kontrak baru.

Pengerusi Eksekutif Pilecon, Hong Lee Pee, dalam laporan tahunan terbaru syarikat berkata, antara lain tahun kewangan semasa dijangka penuh dengan pelbagai kegiatan kerana kumpulan itu dijangka melancarkan beberapa projek baru.

Katanya, untuk hartanah komersil, Pilecon dijangka melancarkan Lot 2 dan Lot 3 daripada pakej A untuk projek infrastruktur gergasi canggihnya di Johor Bahru, JB Waterfront City.

Turut dijangka dilancarkan pada tahun kewangan semasa katanya, ialah projek pembangunan hartanah bercampur membabitkan pejabat dan ruang komersil yang dikenali sebagai Metro Kuantan di Pahang.

Sementara itu katanya, untuk hartanah kediaman pula Pilecon dijangka melancarkan fasa seterusnya bagi Taman Saga Ampang di Kuala Lumpur dan Taman Delima di Johor.

Turut berada dalam jadual pelancaran syarikat tahun ini ialah pembangunan kondominium di Lot 6 dalam pakej C di JB Waterfront City.

Mengulas mengenai kejayaan Pilecon sepanjang tahun lalu, Hong berkata, 1996 jelas memberikan pelbagai perkembangan menarik kepada kumpulan terutama menerusi projek JB Waterfront City.

"Pada 8 Jun 1996, jualan bagi Lot 1 di JB Waterfront City dilancarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Johor di tapak projek itu dan ia mencatat kejayaan gemilang apabila 100 peratus unit berjaya dijual.

"Ikej projek itu dan JB Waterfront City mendapat lonjakan maksimum apabila pada 5 Julai 1996, ia dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Hong berkata, kerja infrastruktur bagi projek JB Waterfront City dilaksanakan oleh Johor Coastal Development Sdn Bhd (JCD) dan ketika ini sedang berjalan lancar dengan penyiapan Jalan Pantai A (ke barat dan timur).

Jalan itu sudah dibuka sepenuhnya kepada lalu lintas bagi kedua-dua hala pada November 1996. Sepanjang tahun kajian, JCD juga berjaya melengkapkan jualan dua pembangunan dalam pakej A iaitu Lot 4 dan Lot 5 kepada pemaaju Singapura.

Sementara itu Hong berkata, beberapa projek lain yang dilaksanakan oleh kumpulan juga sedang berjalan lancar dan ia dijangka dapat disiapkan pada tarikh dijadualkan.

Katanya, pembinaan Rumah Bandar Saga Villa di Taman Saga Ampang yang dilancarkan pada 1995 telah bermula lebih cepat daripada yang dijadualkan.

Menurutnya, pembinaan Kuantan Parade iaitu pusat membeli-belah di Kuantan sudah disiapkan sepenuhnya dan hanya menunggu sijil kelayakan menduduki sahaja daripada pihak berkuasa sebelum boleh digunakan.

Mengenai kegiatan di Sabah dan Sarawak, Hong berkata, kumpulan Pilecon Szeto sudah menyelesaikan projek pembinaan kondominium mewah yang dikenali sebagai Riverbank di Kuching.

Sementara itu, projek binaan yang kini dilaksanakan oleh kumpulan ini termasuk Wisma SPPS iaitu ibu pejabat bagi Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak serta Kondominium Village Grove untuk Borneo Development Corporation.

Sementara itu, di peringkat antarabangsa pula, Pilecon terus mendapat

kepercayaan untuk menjayakan pelbagai projek berprestij daripada pepadanan atau pihak berkuasa asing.

Di China katanya, Pilecon kini giat menyiapkan kerja penanaman cerucuk untuk Pusat Dagangan Dunia Hefei di wilayah Anhui. Sementara itu di Hong Kong pula, kumpulan ini juga telah meraih beberapa projek termasuk pembinaan jambatan dan lebuh raya.

(END)